



BULETIN NADI HAYAT



YBrs. Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo Pengarah Hospital Hospital Tuaran

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

LAWATAN RASMI KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA KE HOSPITAL TUARAN

Buat kedua kalinya, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah telah membuat lawatan rasmi ke Hospital Tuaran. Lawatan kali ini pada 4 April 2021, YBhg. Tan Sri KPK telah merasmikan Taman Terapeutik Sinar Harapan dan Galeri Sudut Kualiti Hospital. YBhg. Tan Sri KPK telah melihat sendiri PPV hospital dan amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Sebelum mengakhiri lawatan, YBhg. Tan Sri KPK mengambil sedikit masa untuk meninjau kuarters yang mengalami kebakaran pada bulan Februari yang lalu. Turut hadir bersama Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sabah (Perubatan), Pegawai Kesihatan Tuaran, Ketua Pegawai Eksekutif Sedafiat, Ketua Polis Daerah Tuaran dan Ketua Komandan RELA Tuaran.



Badan Redaksi Nadi Hayat

- Dr. Maegyvear Pimid
- Chan Yen Mii
- David Dominicus
- Jack Richie Lee
- Jessica Yampai
- Lynceia Bonar
- Bartholemew G. Lee
- Normie E. Surin
- Clarice Jariman
- Ag. Ramlan Ag. Murshid
- Nooraini Armando
- Fredolin Andrew Sipail
- Ricaldo Geonan Majutin



Benchmarking is an ongoing exercise in any company that aspires for leadership.
Anand Mahidra

BULAN PEMAKANAN & SAMBUTAN ULANG TAHUN HOSPITAL TUARAN KE-27

Sempena dengan Bulan Pemakanan, Hospital Tuaran melalui Unit Dietetik dan Sajian telah mengadakan satu sambutan ringkas yang turut merayakan sambutan ulang tahun Hospital Tuaran yang ke-27. Sambutan ini telah dilancarkan oleh YABhg. DSP Hajah Juliah Salag, isteri Ketua Menteri Sabah pada 8 April 2021 di Bilik Seminar. Pelbagai program diadakan sempena sambutan ini seperti pameran gaya hidup sihat serta ceramah dan pameran pemakanan sihat. YABhg. DSP turut menanam pokok kenangan, melawat PPV hospital, memotong kek ulang tahun hospital dan menyampaikan Anugerah Pekerja Contoh kepada Dr. Maegyvear Pimid, Pn. Noorazidah Azmi dan En. Harajih Abd. Gani. Turut hadir YBrs. Dr. G. Mohan A/L A. Gopal Naidoo, Pengarah Hospital.



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



HOSPITAL TUARAN

- Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah
- 088-788224 / 088-797100
- 088-788167
- <http://htuaran.moh.gov.my>
- @hospitaltuaran

UNIT VAKSINASI HOSPITAL TUARAN

Dalam pandemik Covid-19 ini, Hospital Tuaran mengambil inisiatif dan langkah proaktif untuk membentuk Unit Vaksinasi Hospital Tuaran (HTUV) bagi bersama-sama menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan *Covid Immunisation Task Force* (CITF) Daerah Tuaran, dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), bagi membanteras penularan jangkitan Covid-19. Antara perkhidmatan yang disediakan iaitu Pendaftaran Vaksinasi, Kaunseling, Klinik Vaksin, Pusat Pemberian Vaksin dan Program Projek Bantuan (Outreach). HTUV diselaraskan oleh Dr. Maegyvear Pimid dan dipengerusikan oleh YBrs. Dr. G. Mohan, Pengarah Hospital. Sehingga Jun 2021, seramai 1,212 individu telah divaksin yang tergolong dalam Fasa 1, 2, 3 PICK dan 897 pesakit HTRN telah mendaftar melalui Klinik Vaksin.



PROGRAM RAMADHAN HOSPITAL TUARAN

Ramadhan tahun 2021 bermula pada 13 April. Walaupun masih dalam tempoh pandemik, namun beberapa program *signature* Hospital Tuaran dapat dijalankan dengan tetapan SOP yang telah disediakan. Program yang diadakan adalah Ceramah Nafas Baru Bulan Ramadhan yang memberi kesedaran bahaya merokok yang disampaikan oleh Dr. Maegyvear dan Cik Ester (Peg. Farmasi) pada 15 April 2021 dan program yang diadakan bersama PERKIPS Tuaran iaitu Infaq Ramadhan (Program Kebajikan Ramadhan Kit) pada 1 Mei 2021, sumbangan Amal Warga Hospital kepada Home Tuaran pada 7 Mei 2021 dan Buka Puasa pada 8 Mei 2021.



"Berikanlah sedekah! Karena sedekah itu ibarat sungai yang mengalir. Kamu banyak akan terus memperoleh manfaat dari air bersihnya."



PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
APRIL	6,555
MEI	5,740
JUN	6,241
JUMLAH	18,536

KENALI BAHASA TEMPATAN

Iyan abar nu dinakan?
 Apa khabarmu saudara?
 Nunu habarnu tompinai?

Abar alap dinakan.
 Khabar baik saudara.
 Osonong oku ih tompinai.

BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD	APRIL	MEI	JUN
PEREMPUAN	69.17%	72.90%	84.33%
LELAKI	69.83%	80.65%	82.33%
BERSALIN	53.96%	60.69%	47.08%
PEDIATRIK	44.87%	46.53%	43.97%
PURATA	59.46%	65.19%	64.43%

KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH	PINT
APRIL	2	107	
MEI	2	126	
JUN	2	47	
JUMLAH	6	280	

BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
APRIL	97
MEI	105
JUN	76
JUMLAH	278

Sumber: En. Muhd. Syahmi, Peg. Sains, Unit Transfusi Darah

For success, attitude is equally as important as ability.
Walter Scott

PENUTUPAN PKRC INTAN

Pusat Kurantin dan Rawatan CoVid-19 (PKRC) INTAN mula dibuka 8 Oktober 2020. Selama 168 hari operasi PKRC INTAN, seramai 2,304 pesakit yang telah dikuarantin dan dirawat disini dan pesakit terakhir yang mendaftar keluar adalah pada 24 Mac 2021. Penutupan rasmi PKRC INTAN telah diadakan pada 6 April 2021 dan penyerahan semula bangunan INTAN telah diadakan di Auditorium INTAN. Sijil Penghargaan telah disampaikan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu sepanjang pengoperasian PKRC.



PERTANDINGAN TAMAN TERAPEUTIK HOSPITAL TUARAN

Jawatankuasa Taman Terapeutik Hospital Tuaran telah mengadakan satu pertandingan dalam taman terapeutik. Terdapat 3 fasa penilaian yang telah dilakukan iaitu dengan penilai dalaman (fasa 1; Pn. Norhayati Arifin, PJ Jupina Jahan, En. Deen (Sedafiat); 10 Mac 2021), penilai luar (fasa 2; Prof. Madya Dr. Julius (UMS), En. Lakeming Manggih (Jab. Pertanian Tuaran), En. Muhd Fahmi Brahim (Guru SK Telipok); 9 April 2021) dan penilaian video taman (fasa 3; Cik Nazirah Zuman, Cik Norhafizah Ismail, En. Azerin Jopril; 25 Jun 2021). 14 taman terapeutik yang telah bertanding kali ini. Para penilai amat kagum dengan keindahan lanskap Hospital Tuaran dan diharapkan akan berkekalan.

WHEREVER NATURE WORKS THERE WILL BE BEAUTY.



SAMBUTAN HAND HYGIENE HOSPITAL TUARAN

Kebersihan tangan merupakan satu aspek penting dalam mengelak terjadinya jangkitan silang penyakit. Hospital Tuaran melalui Unit Kawalan Infeksi (UKI) telah mengadakan penutupan sambutan ini pada 18 Jun 2021 dengan dirasmikan oleh Pengarah Hospital, YBrs. Dr. G. Mohan. Sepanjang bulan Hand Hygiene ini, UKI telah mengadakan dua pertandingan iaitu Gambar Role Model Hand Hygiene dan Video TikTok Hand Hygiene. Kedua-dua pertandingan ini telah mendapat penyertaan yang amat menggalakkan. Pemenang bagi pertandingan ini adalah KJ Pauline (ETD) bagi Gambar Role Model manakala Video TikTok Hand Hygiene adalah CSSU/Dewan Bedah. Dengan adanya sambutan ini, dapat memberi kesedaran bukan sahaja kepada warga hospital tetapi juga kepada orang awam.



PROGRAM JOM BACA UNTUK 10 MINIT

Bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia ini, pihak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama dengan Perbadanan Perpustakaan Negeri bekerjasama menganjurkan aktiviti "Jom baca bersama untuk sepuluh minit" pada hari Khamis, 22 April 2021. Program tahunan ini adalah untuk membudayakan membaca dikalangan masyarakat Malaysia. Hospital Tuaran melalui Perpustakaan menjalankan program ini dengan turut mengadakan Pertandingan BookFace yang telah dimenangi oleh Wennie Jerus dari Wad Pediatrik.

MEMBACA VAKSIN MINDA!



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Lawatan Pakar Kecemasan Dr. Johny
05.04.2021



Perhimpunan Pagi April
27.04.2021



Nafas Baru Bulan Ramadhan
15.04.2021



Bengkel Patient Safety Goal
17.04.2021



Lawatan Amal ke Rumah Kanak-Kanak Don
Bosco
17.04.2021



Kursus BFHI 20 Jam
28.04.2021



Penghargaan PDRM kepada Hospital
Tuaran
20.04.2021



Perbincangan Projek KIK
21.05.2021

All of us, at certain moments in our lives, need to take advice and to receive help from other people.
Alexis Carrel